

Rakyat Malaysia mesti berani sahut cabaran luar biasa



NAJIB Tun Razak bersama-sama Sharifah Mazlina Syed Abdul Kadir (kanan) dan Pengarah Projek, Noorizah Abdul Hamid mengibarkan Jalur Gemilang pada majlis pelancaran Ekspedisi Kutub Utara: Kutub ke Kutub 2006/2007 di Bangunan Perbadanan Putrajaya di Putrajaya semalam.

- Bernama

PUTRAJAYA 16 Feb. - Datuk Seri Najib Tun Razak mahu rakyat Malaysia mempunyai keberanian untuk menyahut cabaran luar biasa sebagaimana usaha Datin Paduka Sharifah Mazlina Syed Abdul Kadir melakukan ekspedisi solo merentasi Kutub Utara tahun depan.

Timbalan Perdana Menteri berkata, kerajaan menyokong penuh usaha tersebut kerana ia bukan sahaja akan mengharumkan nama negara, malah bakal mencatatkan sejarah sebagai wanita pertama Asia berjaya menakluki Kutub Utara dan Selatan.

"Beliau juga akan menjadi orang Islam pertama yang akan melakukan ekspedisi ke kedua-dua kutub, sudah tentu ia akan termaktub dalam sejarah negara yang boleh dibanggakan.

"Ia adalah ekspedisi yang dahsyat kerana beliau terpaksa menghadapi pelbagai cabaran seperti cuaca sejuk yang ekstrem, bongkah ais bergerak dan kemungkinan serangan beruang kutub," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Ekspedisi Kutub Utara: Misi Kutub ke Kutub 2006/2007, di sini hari ini.

Sharifah Mazlina yang merupakan pensyarah Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi Universiti Teknologi Mara (UiTM) dijadual memulakan ekspedisi selama sebulan pada April tahun depan.

Ekspedisi yang menelan belanja RM3 juta

itu adalah bagi melengkapkan misi menawan kedua-dua kutub setelah beliau berjaya merentasi benua Antartika ke Kutub Selatan pada 2004.

Sepanjang ekspedisi sejauh 100 kilometer itu, Sharifah Mazlina akan menaiki peluncur salji dan berjalan kaki dengan membawa bekalan makanan seberat 60 kilogram termasuk peralatan penyelidikan, komunikasi dan survival.

Beliau turut berhadapan dengan cuaca sejuk melampau di benua Artik yang boleh mencecah suhu di bawah 45 darjah celsius dan ancaman bongkah ais yang mampu bergerak sejauh 20 kilometer dalam tempoh satu malam.

Terdahulu dalam ucapannya, Najib yang juga Menteri Pertahanan berkata, kementeriannya juga telah membantu Sharifah Mazlina menjalani latihan menembak sebagai persediaan menghadapi ancaman serangan beruang kutub semasa ekspedisi tersebut.

Beliau berkata, ekspedisi itu adalah cabaran yang sukar dilalui oleh manusia biasa dan semangat yang ditunjukkan oleh Sharifah Mazlina perlu dijadikan teladan sama ada bagi memajukan negara atau membentuk personaliti unggul.

Justeru kata beliau, usaha tersebut perlu mendapat sokongan rakyat Malaysia sama ada dari segi material, kewangan dan doa.